

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KELIMA BELAS TAHUN 2024**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY
GAPARI KITINGAN [KENINGAU]**

TARIKH : 5 NOVEMBER 2024 (SELASA)

SOALAN

DATUK SERI PANGLIMA DR. JEFFREY GAPARI KITINGAN [KENINGAU] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan tindakan Kerajaan untuk:

- (a) mengurangkan tambang penerbangan Kota Kinabalu-Kuala Lumpur ulang-alik melambung naik dengan teruk dan menjasikan perniagaan dan ekonomi Sabah; dan
- (b) memberi lesen dan hak mendarat kepada Sabah Air Aviation supaya dapat membuat penambahan penerbangan dan code-sharing dengan syarikat penerbangan lain.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan komited untuk memastikan tambang penerbangan adalah berpatutan untuk rakyat, terutamanya pada tempoh puncak seperti musim perayaan.
2. Oleh itu, Kerajaan telah memperkenalkan inisiatif subsidi untuk tempoh perjalanan musim perayaan Tahun Baru Cina, Hari Raya Aidilfitri, Pesta Kaamatan, Hari Gawai, dan Krismas, di mana tambang penerbangan kelas ekonomi sehalia untuk penerbangan dari Semenanjung Malaysia ke Sabah, Sarawak, dan Labuan ditetapkan pada kadar maksimum RM599, tidak termasuk cukai, fi dan caj, dengan Kerajaan memberi subsidi perbezaan tambang dengan tambang maksimum untuk kerusi yang terjual sahaja.
3. Selain itu, Kerajaan turut memperkenalkan inisiatif FLYsiswa iaitu bantuan subsidi pembelian tiket penerbangan untuk pelajar universiti awam, pelajar politeknik dan kolej komuniti di bawah Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) serta pelajar matrikulasi dan institut pendidikan guru (IPG) di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi laluan domestik di antara Semenanjung, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.
4. Bantuan subsidi FLYsiswa dilaksanakan melalui kaedah pemberian *credit shell* di mana syarikat penerbangan tempatan akan mengeluarkan baucar digital bernilai RM300 kepada setiap pelajar yang layak untuk ditebus bagi maksud pembelian tiket penerbangan bagi laluan-laluan domestik antara Semenanjung Malaysia, Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

5. Kementerian Pengangkutan (MOT) sentiasa menggalakkan syarikat-syarikat penerbangan negara untuk meningkatkan kapasiti penerbangan khususnya di laluan-laluan yang mempunyai permintaan yang tinggi. Walau bagaimanapun, keputusan untuk meningkatkan kekerapan bagi laluan tersebut adalah keputusan komersial yang dibuat oleh syarikat penerbangan berasaskan kepada daya maju komersial (*commercial viability*) laluan. Buat masa ini, terdapat 300 penerbangan seminggu bagi laluan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu.
6. Untuk makluman Yang Berhormat, Sabah Air adalah pemegang Permit Perkhidmatan Udara (*Air Service Permit-ASP*) untuk melakukan perkhidmatan penerbangan tidak berjadual sahaja. Setakat ini, pihak Suruhanjaya Penerbangan Malaysia (*MACVOM*) tidak menerima sebarang permohonan bagi Lesen Perkhidmatan Udara (*Air Service Licence-ASL*) yang membolehkan Sabah Air melakukan penerbangan berjadual dan *code-sharing* dengan syarikat penerbangan lain.

Sekian, terima kasih.